

Headline	Kordial cermai		
MediaTitle	Harian Metro (Melaka Negeri Sembilan)		
Date	10 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	9,582
Page No	30	Readership	28,746
Language	Malay	ArticleSize	419 cm ²
Journalist	Mohd Amin Jalil	AdValue	RM 12,300
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,900



FOTO: MOHD AMIN JALIL



AZMAN dan anaknya, Fatin Munirah menunjukkan sebahagian produk berasaskan buah cermai yang dipasarkan.

Mohd Amin Jalil
am@hmetro.com.my

■ Usahawan tak sangka usaha botolkan buah terbuang beri pulangan RM7,000 sebulan

Seremban

Melihat banyak buah cermai terbiar dan membusuk di atas tanah mencetuskan idea buat Azman Samad, 50, untuk memanfaatkan dengan menjadikannya sebagai produk komersial.

Azman yang berasal dari Rembau berkata, dia mengeluarkan kordial cermai kerana buah itu mudah diperoleh, selain tiada usahawan lain dari negeri itu berbuat demikian.

“Saya mula mengeluarkan kordial cermai sejak awal tahun lalu hasil kerjasama dan bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Sembilan selain Institut Penyelidikan Pertanian

Malaysia (MARDI).

“Saya dapati ia berpotensi untuk berkembang kerana cermai antara buah-buahan tempatan.

“Walaupun tidak ramai yang suka makan buah cermai menentang dengan menjadikannya sebagai kordial, ia menerima sambutan amat baik.

“Saya tidak menyangka usaha dilakukan bersama ahli keluarga memberi pulangan memberangsangkan,” katanya di sini.

Azman yang dibantu isteri, Sofinar Din, 45, dan anaknya, Fatin Munirah, 22, berkata, buah cermai itu diproses dan dibotolkan di bengkel milik Jabatan Pertanian Daerah Port Dickson di Linggi sebelum dipasarkan.

Bapa kepada lima anak berusia antara 10 hingga 25 tahun itu berkata, dia memasarkan sendiri produk terbit dengan menyertai program keusahawan anjuran agensi kerajaan selain di pasar tani kekal dan pasar malam.

Menurutnya, sebanyak 2,000 botol dapat dijual da-

lam sebulan dan dia melantik beberapa ejen bagi merancakkan aktiviti pemasaran.

“Saya membuka peluang kepada usahawan muda khususnya atau mereka yang baru hendak berjinak-jinak dalam perniagaan untuk bekerjasama berkongsi rezeki bagi memasarkan produk kordial cermai ini.

“Hasrat saya meluaskan pasaran produk ini sehingga ke Singapura dan Thailand menjelang akhir tahun ini dan yakin ia boleh dicapai dengan bantuan FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan),” katanya yang kini memperoleh pendapatan antara RM6,000 hingga RM7,000 sebulan.

FAKTA
Usahawan kongsi rezeki bagi memasarkan produk kordial cermai